



SIARAN MEDIA

KPKT PERKASA INISIATIF PERUMAHAN DAN TINGKATKAN KEBAJIKAN RAKYAT DI SABAH

SANDAKAN, 1 Mei 2026 - Prihatin terhadap nasib mangsa kebakaran di Kg. Bahagia, dan Kg. Karamunting di Sandakan, YB Timbalan Menteri Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), YB Datuk Hajah Aiman Athirah binti Sabu hari ini turun padang menyantuni mangsa di Pusat Pemindahan Sementara (PPS) Sibuga dan Dewan Rumah Orang Tua Sri Harapan serta meninjau keadaan semasa di tapak kebakaran di Kampung Karamunting demi memastikan kebajikan mereka terus diberi perhatian.

Beliau turut menegaskan komitmen berterusan KPKT melalui Jabatan Perumahan Negara (JPN) yang akan meneruskan pelaksanaan Program Penyenggaraan Perumahan (PPP) bagi penghuni Program Perumahan Rakyat (PPR) di Sabah. Bagi **tahun 2025, sebanyak RM4.8 juta** telah diperuntukkan dan ianya telah ditingkatkan kepada **RM5.7 juta pada tahun 2026**.

Selain itu, agensi-agensi di bawah KPKT seperti Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA) turut memainkan peranan proaktif dalam siri lawatan kerja ini. Penyertaan agensi-agensi ini mencerminkan pendekatan holistik dan komitmen padu KPKT dalam memastikan bukan sahaja keperluan perumahan dititikberatkan, malah aspek kesejahteraan, kebersihan dan sokongan moral kepada komuniti setempat turut diutamakan.

Dalam sesi lawatan tersebut, **SWCorp turut mengadakan taklimat pengurusan "Trash to Cash"** iaitu untuk mengasingkan sisa, mengitar semula dan mendapat hasil tunai daripada jualan sisa. Seramai 150 orang kanak-kanak mangsa kebakaran juga turut disantuni dengan Educational Games bagi memberikan pendedahan awal mengenai nilai sebenar sisa yang boleh ditukar, diguna semula dan dikurangkan penggunaannya.

Menurut YB Timbalan Menteri KPKT, pihak kementerian juga akan mengadakan perbincangan dengan Kerajaan Negeri Sabah bagi memperkukuh kerjasama dalam pelaksanaan inisiatif perumahan, termasuk melalui jabatan-jabatan dan agensi-agensi di bawah KPKT.

Di samping itu, memandangkan PPS akan ditutup pada 2 Mei 2026, AirBnB telah bersetuju untuk mempelawa penyewaan percuma selama 28 hari bagi 50 keluarga sementara menunggu mendapatkan rumah baru mereka. Inisiatif-inisiatif ini membuktikan Kerajaan MADANI sentiasa prihatin terhadap keperluan rakyat di peringkat akar umbi.

"Fokus utama KPKT adalah untuk meningkatkan kualiti hidup komuniti di Sabah, khususnya di Sandakan. Usaha ini akan terus dipergiat bagi memastikan kemudahan dan fasiliti perumahan awam sentiasa berada pada tahap optimum demi kesejahteraan penduduk" tambah beliau lagi.

Pelaksanaan inisiatif ini mencerminkan komitmen berterusan KPKT dalam memastikan aset perumahan awam sentiasa terpelihara dan berada dalam keadaan baik. Penekanan turut diberikan kepada kesedaran terhadap pegurusan sisa pepejal bagi memastikan peningkatan kualiti persekitaran yang bersih, indah dan sejahtera selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI.

#MalaysiaMADANI
#Kesejahteraan
#StrongerTogether
#DemiPertwi
#UnityInDiversity
#RancarkanMADANI

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi Kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Lanskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my

UKK
K P K T